

02/10/2001

Malaysia amal prinsip negara Islam: Ahmad Sarji

KUALA LUMPUR, Isnin - Takrifan sebuah negara Islam bukan semata-mata memenuhi penjelasan ulama, tetapi juga memerlukan pelaksanaan prinsip Islam dari aspek teori dan praktikal.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata Malaysia adalah antara negara awal mengamalkan prinsip Islam dalam sistem ekonomi, politik dan sosial.

Oleh itu, katanya, pelaksanaan prinsip berkenaan terbukti dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat Islam dan bukan Islam serta menimbulkan suasana keadilan dan kemakmuran seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam.

"Ia dapat dilihat menerusi sistem pentadbiran negara yang mengamalkan prinsip Islam seperti yang diperlukan dalam sebuah negara Islam," katanya selepas majlis menandatangani surat akujanji (LoU) antara Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) dan Siemens Malaysia Sdn Bhd di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah MKIM, Syed Mohamad Albukhary; Naib Presiden Yayasan Al-Bukhary, Datuk Ismail Yusuf dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Siemens, Rainer Althoff.

Pada majlis itu, Siemens diwakili Althoff menandatangani perjanjian memberi pembiayaan untuk membina pusat penyimpanan artifak muzium dalam fasa pertama bagi tempoh enam bulan, manakala MKIM diwakili pula oleh Datuk Ismail Yusuf.

Ahmad Sarji berkata, dalam aspek pentadbiran misalnya, orang Islam dapat mentadbir negara bersama-sama orang bukan Islam dan dalam sistem keadilan pula, perbicaraan berlaku secara adil.

Katanya, sistem ekonomi yang diamalkan bagi membasmi kemiskinan pula dilakukan menerusi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan rancangan jangka panjang yang menguntungkan semua pihak.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada Malaysia memenuhi takrifan negara Islam atau tidak yang menjadi kontroversi antara kerajaan dan pembangkang.

"Semua kriteria ini menunjukkan Malaysia mengamalkan prinsip dan ajaran Islam dan secara praktikalnya ia menyokong penubuhan negara Islam.

"Dari segi prinsip perlembagaan, dasar pendidikan dan sistem kehakiman, memang negara kita mendahului negara lain dalam melaksanakan prinsip Islam," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini mengumumkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam kerana kerajaan turut melaksanakan hukum syarak dan tuntutan Islam bagi menjaga kepentingan agama serta mengurus negara.

Ahmad Sarji berkata, IKIM mengakui ada beberapa undang-undang Islam yang tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh tetapi ia masih menunjukkan Malaysia bersungguh-sungguh mengamalkan prinsip sebuah negara Islam.

Bagaimanapun, katanya, sebagai badan yang bertanggungjawab memberi kefahaman mengenai Islam, IKIM banyak memainkan peranan bagi memudahkan prinsip negara Islam diterima oleh masyarakat menerusi forum dan seminar.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap kerajaan menghapuskan pelbagai jenis cukai dan bayaran perkhidmatan yang dikenakan dalam bidang penyimpanan atau pemuliharaan artifak dan warisan.

Beliau yang juga Presiden Lembaga Warisan Kebangsaan Malaysia, berkata kos dalam bidang pemulihan dan penyimpanan artifak membabitkan kos yang tinggi serta memerlukan kemahiran pakar untuk mengendalikannya.

"Jika pelbagai cukai dan bayaran yang dikenakan dihapuskan atau dimansuhkan, ia akan membantu pakar serta pihak terbabit dalam bidang pemuliharaan artifak dari segi menjimatkan kos," katanya.

(END)